



## SOALAN LAZIM (FAQs)

### PENUTUPAN SEMENTARA OPERASI LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM SELARAS DENGAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN COVID-19

BIL.	SOALAN/ JAWAPAN
1.	<p><b>Adakah LPPSA beroperasi di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Selaras dengan Perutusan Khas Covid-19 oleh YAB Perdana Menteri berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), LPPSA telah menangguhkan semua operasi termasuk perkhidmatan di Kaunter Pusat dan Pusat Panggilan Utama (03-8880 1600) bermula pada 18 Mac 2020 sehingga 14 April 2020 atau ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.</p> <p>Namun, beberapa operasi LPPSA akan berjalan pada kadar minima di sepanjang tempoh PKP tersebut yang mana sebahagian daripada kakitangan LPPSA bekerja dari rumah.</p> <p>LPPSA menjangkakan akan berlaku sedikit kelewatan dalam operasi berkaitan pembiayaan perumahan LPPSA disebabkan kekangan di atas dan kebergantungan LPPSA kepada lain-lain pihak seperti pemaju perumahan/ kontraktor, peguam, jabatan-jabatan/ agensi Kerajaan, penyedia perkhidmatan pos/ kurier yang turut terkesan dengan arahan PKP ini.</p> <p>LPPSA berharap agar semua pihak memahami, bersabar dan memberikan kerjasama yang baik di sepanjang tempoh PKP tersebut. LPPSA berhasrat dapat meneruskan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pelanggan setelah tamat tempoh PKP.</p>
2.	<p><b>Adakah LPPSA akan membuat penangguhan atau moratorium bayaran balik ansuran bulanan pembiayaan perumahan LPPSA sama seperti arahan yang diberikan oleh pihak bank komersial/ institusi kewangan yang lain disebabkan oleh krisis Covid-19 yang melanda negara ketika ini?</b></p> <p>Untuk makluman, LPPSA telah memutuskan untuk tidak memberi penangguhan atau moratorium pembayaran balik ansuran bulanan pembiayaan perumahan LPPSA seperti mana Notis Makluman yang telah dikeluarkan pada 8 April 2020.</p> <p>Notis Makluman tersebut boleh dilayari di Laman Web Rasmi LPPSA seperti di pautan tertera: <a href="http://www.lppsa.gov.my/v2/hebahan/">http://www.lppsa.gov.my/v2/hebahan/</a> dan</p> <p>Facebook Page Rasmi LPPSA seperti di pautan tertera: <a href="https://facebook.com/OfficialPageLPPSA/">https://facebook.com/OfficialPageLPPSA/</a>.</p>

BIL.	SOALAN/ JAWAPAN
3.	<p><b>Saya berhasrat untuk menghantar permohonan pembiayaan perumahan LPPSA secara atas talian (<i>online</i>) semasa tempoh PKP ini. Adakah LPPSA akan menerima permohonan tersebut atau perlu ditangguhkan sehingga tamat tempoh PKP?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>LPPSA masih tetap menerima permohonan pembiayaan perumahan LPPSA yang dihantar secara atas talian (<i>online</i>).</p> <p>Namun permohonan akan diluluskan setelah LPPSA menerima dokumen fizikal (salinan permohonan <i>online</i> yang dicetak bersama dokumen sokongan lain) yang lengkap dan tanpa sebarang kuiiri.</p> <p>Pemohon akan menerima makluman kelulusan pembiayaan atau kuiiri melalui emel dan pesanan SMS yang dihantar kepada pemohon. Pemohon juga boleh menyemak status permohonan pembiayaan melalui Portal Permohonan Pembiayaan LPPSA seperti di pautan tertera untuk Log Masuk ke akaun pembiayaan: <a href="https://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/">https://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/</a></p> <p>Sebarang kuiiri/ rayuan/ pindaan ke atas kelulusan pembiayaan hanya boleh diproses setelah tamat tempoh PKP.</p>
4.	<p><b>Bagaimana saya ingin menyemak status permohonan/ baki pembiayaan/ amaun tunggakan/ maklumat pembiayaan saya sepanjang tempoh PKP ini?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Pelanggan/ Pelanggan LPPSA boleh membuat semakan melalui perkhidmatan secara atas talian (<i>online</i>) LPPSA yang boleh diakses seperti biasa.</p> <p>Layari Portal Permohonan Pembiayaan LPPSA seperti di pautan untuk Log Masuk ke akaun pembiayaan <a href="https://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/">https://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/</a></p> <p>atau</p> <p>Muat turun aplikasi mudah alih LPPSA 'MyFinancing' seperti di pautan <a href="http://www.lppsa.gov.my/v2/media/aplikasi-mudah-alih/">http://www.lppsa.gov.my/v2/media/aplikasi-mudah-alih/</a></p>
5.	<p><b>Saya baru menerima kelulusan pembiayaan perumahan LPPSA dan perlu mengembalikan Memorandum Penerimaan kelulusan pembiayaan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh kelulusan. Sekiranya tempoh PKP ini masih berterusan, adakah kelulusan ini akan terbatal atau terdapat pengecualian memandangkan pihak peguam juga tidak beroperasi dalam tempoh ini dan saya tidak dapat berurusan dengan mereka.</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Kelulusan pembiayaan perumahan LPPSA tidak akan terbatal setelah pelanggan/ peminjam membuat pengesahan pra-penerimaan (<i>pre-acceptance</i>) kelulusan secara atas talian dalam tempoh 30 hari daripada tarikh kelulusan.</p> <p>Pelanggan/ Peminjam dinasihatkan untuk menghubungi peguam yang telah dilantik bagi tujuan mengatur temujanji bagi menandatangani Memorandum Penerimaan kelulusan pembiayaan dan lain-lain dokumen perjanjian pembiayaan serta cagaran setelah tamat tempoh PKP.</p>

BIL.	SOALAN/ JAWAPAN
6.	<p><b>Adakah dokumen yang dihantar melalui perkhidmatan penghantaran pos/ kurier sepanjang tempoh PKP akan diterima oleh LPPSA?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Penghantaran dokumen melalui pos/ kurier oleh/ kepada LPPSA adalah bergantung kepada arahan dalaman operasi penyedia perkhidmatan pos/ kurier berkenaan sepanjang tempoh PKP ini.</p> <p>LPPSA akan memproses mel/ surat-surat setelah menerimanya daripada penyedia perkhidmatan pos/ kurier. Namun ini dijangka akan mengambil masa kerana LPPSA beroperasi pada kadar minima sepanjang tempoh PKP.</p>
7.	<p><b>Bagaimanakah saya boleh membuat semakan berkenaan status dokumen dan tandatangan wakil kuasa ke atas borang cagaran yang telah diterima oleh LPPSA?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Pelanggan/ Peminjam boleh menghubungi peguam untuk membuat semakan status dokumen tersebut secara atas talian melalui sistem Juris Credit. Borang cagaran yang diterima selepas 13 Mac 2020 akan diproses setelah tamat tempoh PKP.</p>
8.	<p><b>Bagaimanakah saya boleh membuat semakan berkenaan status tuntutan bayaran kepada pihak pemaju/ peguam/ bank ke atas dokumen yang telah diterima oleh LPPSA?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Status bayaran yang telah diproses dan diluluskan akan dimaklumkan kepada pelanggan/ peminjam melalui emel.</p> <p>Pelanggan/ Peminjam juga boleh menyemak status pembayaran melalui Portal Semakan Bayaran di Laman Sesawang Rasmi LPPSA seperti di pautan <a href="https://ebiz2.lppsa.gov.my/e-semak/">https://ebiz2.lppsa.gov.my/e-semak/</a> atau Portal Permohonan Pembiayaan LPPSA seperti di pautan <a href="https://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/">https://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/</a>.</p> <p>Tuntutan bayaran akan diproses dan dilakukan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap diterima oleh LPPSA. Tuntutan bayaran yang dihantar sepanjang tempoh PKP akan diterima dan diproses oleh LPPSA bergantung kepada penerimaan dokumen tuntutan tersebut daripada penyedia perkhidmatan pos/ kurier dan Laporan Nilai Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).</p>
9.	<p><b>Adakah pengeluaran Arahan Potongan Gaji/ Arahan Potongan Pencen oleh pusat pembayar bagi bayaran pembiayaan perumahan saya turut tergendala sepanjang tempoh PKP?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Pelanggan/ Peminjam tidak perlu risau di dalam hal ini kerana Arahan Potongan Gaji/ Arahan Potongan Pencen akan diproses seperti biasa sepanjang tempoh PKP bergantung kepada operasi pusat pembayar berkenaan.</p> <p>Sebarang pertanyaan lanjut/ perubahan pusat pembayar gaji, salinan slip pendapatan/ gaji boleh dikemukakan ke Portal Aduan/ Pertanyaan LPPSA di pautan <a href="https://etiket.lppsa.gov.my">https://etiket.lppsa.gov.my</a>.</p>

BIL.	SOALAN/ JAWAPAN
10.	<p><b>Saya ingin mengemaskini maklumat terkini Pusat Pembayar/ Pejabat Perakaunan saya. Adakah maklumat tersebut diterima oleh LPPSA sepanjang tempoh PKP?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Pengemaskinian maklumat terkini pelanggan/ peminjam secara manual (serahan borang kemaskini maklumat) akan diterima seperti biasa dan akan diproses setelah tamat tempoh PKP.</p> <p>Pelanggan/ Peminjam digalakkan membuat pengemaskinian maklumat secara atas talian (<i>online</i>) melalui Portal Permohonan Pembiayaan LPPSA seperti di pautan tertera:  <a href="https://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/">https://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/</a></p>
11.	<p><b>Saya telah membuat pembayaran pembiayaan melalui <i>Electronic Funds Transfer (EFT)</i>/ Rentas /atas talian. Berapakah tempoh yang diambil setelah bayaran diterima oleh LPPSA sepanjang tempoh PKP?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Pembayaran yang diterima oleh LPPSA akan diproses dalam tempoh 14 hari bergantung kepada maklumat bayaran yang lengkap.</p>
12.	<p><b>Bagaimanakah pula tempoh pemprosesan yang diambil sekiranya bayaran dibuat melalui cek/ bank deraf?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Pembayaran secara cek/ bank deraf akan diproses setelah tamat tempoh PKP.</p> <p>Pelanggan/ Peminjam digalakkan untuk membuat bayaran secara EFT atau secara atas talian (<i>online</i>) untuk memudahkan urusan..</p> <p>Sila klik di pautan tertera untuk panduan pembayaran secara atas talian (<i>online</i>):  <a href="http://www.lppsa.gov.my/v2/manual-pembayaran-secara-online/">http://www.lppsa.gov.my/v2/manual-pembayaran-secara-online/</a></p>
13.	<p><b>Mengapa saya menerima SMS mengatakan akaun saya tertunggak semasa tempoh PKP ini?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Jika bayaran daripada pusat pembayar tidak diterima sebelum atau pada 25 haribulan setiap bulan, maka akaun pembiayaan akan mempunyai tunggakan.</p> <p>Kebiasaannya tunggakan adalah disebabkan arahan potongan gaji tidak dipatuhi mengikut jadual yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, pelanggan/ peminjam dikehendaki untuk membuat bayaran terus kepada LPPSA.</p> <p>Tunggakan juga boleh berlaku apabila terdapat perubahan tempat berkhidmat/ bertugas yang boleh menyebabkan potongan bayaran tidak/ lewat dilaksanakan di Jabatan tempat berkhidmat terkini.</p> <p>Semakan lanjut berkaitan tunggakan pembiayaan pelanggan/ peminjam akan dilakukan setelah tamat tempoh PKP.</p>

BIL.	SOALAN/ JAWAPAN
14.	<p><b>Saya mempunyai amaun tunggakan yang perlu dibayar sebelum 31 Mac 2020, adakah saya boleh membuat pembayaran tersebut atau boleh ditangguhkan untuk sementara waktu?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Pembayaran amaun tunggakan boleh dilaksanakan secara atas talian (<i>online</i>). Pastikan slip pembayaran diemelkan kepada alamat emel <a href="mailto:eftmaklum@lppsa.gov.my">eftmaklum@lppsa.gov.my</a> untuk tujuan pengemaskinian akaun.</p> <p>Sila klik di pautan tertera untuk panduan pembayaran secara atas talian (<i>online</i>): <a href="http://www.lppsa.gov.my/v2/manual-pembayaran-secara-online/">http://www.lppsa.gov.my/v2/manual-pembayaran-secara-online/</a></p>
15.	<p><b>Apa yang perlu saya lakukan untuk membuktikan bayaran tunggakan telah dibuat kepada LPPSA?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Pelanggan/ Peminjam diminta untuk mengemukakan resit atau bukti bayaran tersebut ke alamat emel <a href="mailto:eftmaklum@lppsa.gov.my">eftmaklum@lppsa.gov.my</a> berserta salinan slip pendapatan/ gaji yang terkini untuk tindakan pengemaskinian dan pengaktifan arahan potongan gaji semasa.</p> <p>Sila klik di pautan tertera untuk panduan pembayaran secara atas talian (<i>online</i>): <a href="http://www.lppsa.gov.my/v2/manual-pembayaran-secara-online/">http://www.lppsa.gov.my/v2/manual-pembayaran-secara-online/</a></p> <p>Jika terdapat bukti bayaran melalui potongan gaji/ resit bayaran yang terdahulu, pelarasan hanya akan dilakukan setelah tamat tempoh PKP.</p>
16.	<p><b>Sekiranya saya tidak mampu untuk menyelesaikan tuntutan tunggakan yang diminta, apakah cara yang boleh saya lakukan?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Untuk makluman, Arahan Potongan Gaji/ Pencen Secara Berganda akan dilaksanakan. Bagi Arahan Potongan Fleksibel, ianya adalah tertakluk kepada kelulusan LPPSA.</p> <p>Dalam keadaan ini, pelanggan/ peminjam boleh membuat permohonan rayuan secara secara atas talian (<i>online</i>) melalui Portal Permohonan Pembiayaan LPPSA seperti di pautan <a href="https://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/">https://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/</a> dengan melengkapkan borang rayuan bayaran balik tunggakan dan memuat naik borang yang telah lengkap berserta dokumen sokongan seperti slip pendapatan/ gaji dan penyata bank (3 bulan) untuk tindakan LPPSA.</p>
17.	<p><b>Bolehkah saya membuat sebarang urusan berkaitan tuntutan bayaran balik baki kredit sepanjang tempoh PKP?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Semakan dan kelulusan untuk bayaran balik baki kredit masih boleh dibuat sepanjang tempoh PKP sekiranya LPPSA menerima borang tuntutan bersama dokumen lengkap di dalam bentuk Salinan lembut (<i>softcopy</i>) daripada pelanggan/ peminjam melalui Portal Aduan/ Pertanyaan LPPSA di pautan <a href="https://etiket.lppsa.gov.my">https://etiket.lppsa.gov.my</a>.</p>

BIL.	SOALAN/ JAWAPAN
18.	<p><b>Adakah saya masih boleh membuat urusan lain seperti tuntutan insurans/ takaful berkaitan kematian, penangguhan pembayaran atau penjadualan semula pembayaran pembiayaan LPPSA sepanjang tempoh PKP?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Permohonan tersebut masih boleh dibuat secara atas talian melalui Portal Permohonan Pembiayaan LPPSA seperti di pautan <a href="https://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/">https://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/</a>.</p> <p>Namun, ianya akan disemak dan diproses setelah tamat tempoh PKP.</p>
19.	<p><b>Adakah LPPSA menerima permohonan penyata baki hutang semasa tempoh PKP?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Hanya permohonan penyata baki hutang individu sahaja yang masih boleh dibuat secara atas talian (<i>online</i>) melalui Portal Permohonan Pembiayaan LPPSA seperti di pautan tertera <a href="http://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/">http://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/</a>.</p> <p>Bagi permohonan penyata baki hutang atas tujuan pengeluaran KWSP atau penjualan harta, LPPSA masih memerlukan dokumen fizikal dan akan disemak serta diproses setelah tamat tempoh PKP.</p>
20.	<p><b>Saya telah menamatkan perkhidmatan dan ingin mendapatkan jumlah baki penuh pembiayaan akaun saya. Bagaimana saya boleh dapatkan penyata tebus hutang/ baki hutang?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Permohonan penyata tebus hutang/ baki hutang boleh dibuat melalui Portal Permohonan Pembiayaan LPPSA seperti di pautan <a href="https://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/">https://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/</a> dengan melengkapkan borang permohonan tebus hutang/ baki hutang dan memuat naik borang yang telah lengkap.</p> <p>Penyata tebus hutang/ baki hutang akan diproses setelah tamat tempoh PKP.</p>
21.	<p><b>Saya telah menyelesaikan pembiayaan perumahan saya sebelum bermulanya PKP pada 18 Mac 2020 yang lalu. Bilakah proses pelepasan geran dapat dilakukan?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Semua proses pelepasan gadaian terpaksa ditangguhkan kerana LPPSA tidak dapat mengeluarkan sebarang dokumen sekuriti termasuk geran serta dokumen pelepasan yang lain sepanjang tempoh PKP. Proses pelepasan hanya akan dilaksanakan setelah tamat tempoh PKP.</p>
22.	<p><b>Saya telah menerima panggilan dari LPPSA yang memaklumkan dokumen pelepasan gadaian telah sedia untuk kutipan di kaunter LPPSA.</b></p> <p><b>Adakah pihak LPPSA akan menghantar dokumen tersebut semasa tempoh PKP?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Pelanggan/ Peminjam boleh membuat kutipan dokumen berkenaan di kaunter LPPSA setelah tamat tempoh PKP.</p>

BIL.	SOALAN/ JAWAPAN
23.	<p><b>Saya telah menerima surat makluman berkenaan Salinan Asal Dokumen Hakmilik/ Penyerahhak yang tidak dituntut dan dikembalikan semula ke LPPSA. Bagaimanakah cara untuk saya memaklumkan pihak LPPSA berkenaan alamat terkini saya?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Pelanggan/ Peminjam boleh menghantar emel makluman ke alamat emel <a href="mailto:retour@lppsa.gov.my">retour@lppsa.gov.my</a>.</p> <p>Salinan Asal Dokumen Hakmilik/ Penyerahhak tersebut hanya akan dikembalikan setelah LPPSA menerima makluman alamat terkini dari pihak pelanggan/ peminjam setelah tamat tempoh PKP.</p>
24.	<p><b>Adakah urusan Penyempurnaan Gadaian (<i>Perfection of Charge</i>) turut tergendala semasa tempoh PKP?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Sebarang urusan Penyempurnaan Gadaian hanya dapat dilaksanakan setelah tamat tempoh PKP. Peguam, mahkamah dan pejabat tanah turut terkesan dengan arahan PKP menyebabkan urusan Penyempurnaan Gadaian tidak boleh dilaksanakan sepanjang tempoh ini.</p>
25.	<p><b>Adakah permohonan Surat Kebenaran untuk Gadaian Kedua dengan institusi kewangan/ bank yang berkaitan dapat dilakukan sepanjang tempoh PKP ini?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Permohonan yang diterima melalui pos/ kurier hanya dapat diproses setelah tamat tempoh PKP. Pelanggan/ Peminjam dinasihatkan untuk menghubungi peguam yang telah dilantik untuk urusan permohonan tersebut.</p>
26.	<p><b>Saya telah dikenakan tindakan undang-undang/ lelongan. Bagaimana saya ingin membuat permohonan untuk menangguhkan tindakan undang-undang semasa tempoh PKP ini?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Untuk makluman, tarikh lelongan atau tarikh pendengaran sepanjang tempoh PKP akan ditangguhkan bergantung kepada Mahkamah atau Pejabat Tanah berkenaan. Sebarang rayuan bagi penangguhan tindakan undang-undang hanya akan diproses setelah tamat tempoh PKP.</p>
27.	<p><b>Bagaimana peguam atau pembida yang berjaya ingin membuat bayaran baki harga lelongan (90%) semasa tempoh PKP dan adakah bayaran ini boleh melebihi tempoh 120 hari yang telah ditetapkan di dalam pengistiharan jualan/ kontrak lelongan?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Bayaran tersebut perlu dibuat di dalam tempoh 120 hari sepertimana perisytiharan jualan/ kontrak lelongan melalui EFT/ atas talian atau bank deraf.</p> <p>Bagi bayaran melalui EFT, tuan/ puan hendaklah menyertakan bersama bukti bayaran ke email <a href="mailto:eftmaklum@lppsa.gov.my">eftmaklum@lppsa.gov.my</a> untuk proses selanjutnya.</p> <p>Manakala, bagi bayaran melalui bank deraf yang telah diserahkan kepada LPPSA atau peguam, bayaran tersebut akan diproses setelah tamat tempoh PKP.</p>

BIL.	SOALAN/ JAWAPAN
28.	<p><b>Adakah bil kos guaman, bil cukai pintu, cukai tanah dan yuran penyelenggaraan bagi kes lelongan yang dihantar untuk tujuan bayaran melalui Sistem Juris atau secara manual akan diproses oleh LPPSA sepanjang tempoh PKP?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>LPPSA hanya akan memproses tuntutan kos guaman melalui Sistem Juris sahaja. Manakala tuntutan yang di buat secara manual hanya akan diproses oleh LPPSA setelah tamat tempoh PKP.</p>
29.	<p><b>Bagaimana saya ingin mendapatkan info atau maklumat lanjut berkaitan pembiayaan perumahan LPPSA?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Anda boleh merujuk pada Laman Sesawang Rasmi LPPSA di <a href="http://www.lppsa.gov.my">www.lppsa.gov.my</a> untuk info dan maklumat lanjut berkaitan pembiayaan perumahan LPPSA.</p> <p>Sebarang info terkini, anda juga boleh ikuti perkembangan LPPSA dengan menekan butang 'Like' dan 'Follow' <b>Facebook Page Rasmi LPPSA</b> di <b>pautan berikut</b> :  <a href="https://facebook.com/OfficialPageLPPSA/">https://facebook.com/OfficialPageLPPSA/</a></p>
30.	<p><b>Bagaimana penjawat awam atau pihak berkaitan ingin berhubung dengan LPPSA?</b></p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Penjawat awam atau pihak berkaitan boleh mengemukakan pertanyaan/inkuiri berkaitan urusan pembiayaan melalui Portal Aduan &amp; Pertanyaan seperti pautan tertera:  <a href="http://www.lppsa.gov.my/eTiket/">http://www.lppsa.gov.my/eTiket/</a></p> <p>LPPSA berharap agar semua pihak memahami dan bersabar sekiranya terdapat kelewatan maklum balas pertanyaan/ inkuiri kerana LPPSA kini beroperasi pada kadar minima sepanjang tempoh PKP yang mana sebahagian daripada kakitangan LPPSA bekerja dari rumah.</p> <p>Sebarang kesulitan yang dialami sepanjang tempoh penutupan sementara ini adalah amat dikesali. LPPSA akan sentiasa memantau situasi ini dari semasa ke semasa.</p>

**10 APRIL 2020**